



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**AHAD / 8 SEPTEMBER 2019**

- 1. JUAL IKAN DALAM TALIAN ELAK ORANG TENGAH**  
**- BERITA HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 SEPTEMBER 2019

PERKARA : PERIKANAN

BH AHAD 8 SEPTEMBER 2019

Nasional

## Jual ikan dalam talian elak orang tengah

Inisiatif LKIM sejak 31 Julai dikendalikan NEKMAT

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
bhnews@bh.com.my

**Jerlun:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melaksanakan inisiatif baharu menjual ikan dalam talian bermula 31 Julai lalu, sebagai langkah menangani cengkaman orang tengah.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fazil, berkata jualan itu dikendalikan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) melalui program NEKMATbiz dengan Kuala Lumpur menjadi lokasi perintis.

"Buat masa ini, orang ramai sekitar Kuala Lumpur boleh membuat tempahan ikan secara dalam talian dan penghantaran akan dilakukan dari NEKMAT, Taman Wahyu, Kuala Lumpur,

"Kita merancang memperluas perkhidmatan ini ke lokasi lain seperti di Utara dan Pantai Timur dengan NEKMAT akan menggunakan rangkaian kita di kawasan itu seperti Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kedah (NEKAD) dan Persatuan Nelayan Kawasan Besut (PNK BESUT) untuk menghantar ikan ditempah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Kibarakan Jalur Gemilang Sempena Hari Malaysia Bersama Nelayan di Jeti Kuala Jerlun di sini, semalam.

Sehingga ini, katanya, jualan ikan dalam talian sepanjang Ogos memberangsangkan apabila nilainya mencecah RM5,000.

Laman sesawang pembelian ikan serta produk sejuk beku dalam talian itu boleh dicapai menerusi <https://nekmatsby.com.my>

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, beliau yakin platform penggunaan teknologi dalam industri perikanan mampu meningkatkan pendapatan nelayan, sekali gus mengurangkan peranan orang

tengah secara berperingkat.

Sementara itu, beliau menegaskan kempen mengutamakan membeli produk Muslim tidak akan membantu mengurangkan rantaian orang tengah dalam industri perikanan negara.

Sebaliknya, beliau berkata, keupayaan orang Melayu, khususnya mereka yang turut menjadi orang tengah, perlu dipertingkatkan dalam industri itu.

Beliau menjelaskan, setiap aras orang tengah mempunyai peranan dalam membantu memasarkan produk nelayan.

"Kerajaan tidak boleh membezakan sesuatu kaum. Apa yang kita boleh buat adalah mengurangkan rantaian ini dengan mewujudkan pasar ikan segar supaya nelayan dapat menjual produk secara terus, termasuk jualan dalam talian," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, 34,000 nelayan menerima Elaun Sara Hidup (ESH) dan dijangka seramai 40,000 nelayan akan menerima manfaatnya selepas proses pemutihan dijalankan.



### Pesta tangkap ikan

Seramai 1,200 peserta sanggup meredah paya menangkap pelbagai jenis ikan air tawar sempena Pesta Menangkap Ikan Estet Air Tawar Paya Lanar, Lanchang, Pahang, semalam. Pesta dwitahunan yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Perikanan Malaysia, Azlisha Abd Aziz. Sebanyak lapan spesies ikan air tawar seperti lampam jawa, haruan, kap rumput, tongsan, puyu, keli, kaloi dan kap kepala besar terdapat di Estet Paya Lanar seluas 25 hektar itu.

(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)